



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
JULAI 2023

**Indeks harga besi mencatatkan penurunan antara
0.5 peratus dan 4.0 peratus pada Julai 2023**

PUTRAJAYA, 8 Ogos 2023 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR JULAI 2023**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih menunjukkan penurunan indeks harga seunit bagi bahan binaan seperti besi, bahan paip dan keratan keluli & logam bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan perbandingan bulanan pada Julai 2023 mencatatkan penurunan indeks harga seunit besi iaitu di antara 0.5 peratus dan 4.0 peratus bagi hampir semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Indeks harga seunit keratan keluli & logam juga turut mencatatkan penurunan iaitu antara 0.2 peratus dan 4.0 peratus bagi beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan indeks harga besi dan keratan keluli & logam ini adalah seiring dengan senario penurunan harga besi dan bijih besi di peringkat global.

Selain daripada besi dan keratan keluli dan logam, simen juga telah mula mencatatkan penurunan harga berbanding Jun 2023 dengan kadar penurunan antara 0.2 peratus dan 1.7 peratus. Namun begitu, perbandingan bulanan bagi bahan binaan dan kawasan terpilih menunjukkan batu baur telah mencatatkan peningkatan harga iaitu antara 0.2 peratus dan 2.7 peratus.

Perbandingan secara tahunan untuk tempoh Julai 2022 dan Julai 2023 menunjukkan indeks harga seunit simen telah mencatatkan peningkatan antara 2.9 peratus dan 23.8 peratus bagi kesemua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Tambahan itu, dalam konteks item dan kawasan, indeks harga seunit bahan binaan di Semenanjung Malaysia meningkat antara 0.2 peratus hingga 23.8 peratus bagi Julai 2023 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Peningkatan tertinggi bagi kawasan di Semenanjung Malaysia adalah simen di Kelantan & Terengganu (23.8%) dan di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (18.0%). Manakala, indeks harga bagi seunit bahan binaan yang mencatatkan peningkatan tertinggi di Sabah adalah bahan paip di Kota Kinabalu (14.6%), manakala di Sarawak pula adalah kayu di Sibu (31.7%) dan batu bata & dinding di Miri (21.1%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,622.86 bagi setiap tan metrik dengan penurunan 1.8 peratus berbanding bulan sebelumnya (Jun 2023: RM3,689.50 per tan metrik). Tambahan daripada itu, purata harga simen (*Ordinary Portland*) mencatatkan sedikit penurunan iaitu 0.1 peratus (Jun 2023: +0.2%), dengan purata harga RM22.84 per 50 kg berbanding RM22.86 (Jun 2023).

Selain itu, indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) (termasuk bar keluli) bagi semua kategori bangunan di Semenanjung Malaysia pada Julai 2023 meningkat antara 0.2 peratus dan 3.8 peratus berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan tertinggi adalah Cerucuk Kayu di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah menunjukkan penurunan di antara 0.1 dan 1.4 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu dan Tawau pada Julai 2023 berbanding bulan sebelumnya. Manakala IKB (termasuk bar keluli) bagi semua kategori

bangunan Sandakan pula kekal tidak berubah pada Julai 2023 berbanding bulan sebelumnya.

Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada Julai 2023 menunjukkan penurunan di antara 0.1 dan 2.1 peratus bagi hampir semua kategori bangunan terutamanya di Kuching dan Miri. Namun begitu, kebanyakan kategori bangunan di Sibu pula telah mencatatkan peningkatan indeks yang perlahan iaitu 0.1 dan 0.2 peratus.


DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 8 Ogos 2023

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Julai 2022 – Julai 2023



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Julai 2022 – Julai 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 OGOS 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, August 8, 2023



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
JULY 2023**

***The price index of steel recorded a decrease between
0.5 per cent and 4.0 per cent in July 2023***

PUTRAJAYA, August 8, 2023 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, JULY 2023, today. This release presents the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, a month-on-month comparison of construction materials and selected areas showed a decrease in the unit price index for selected materials such as steel, plumbing materials and steel & metal sections for almost all areas of Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia also stated that a month-on-month comparison in July 2023 recorded a decrease in the price index per unit of steel, which is between 0.5 per cent and 4.0 per cent for almost all areas of Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The price index per unit of steel & metal sections also recorded a decrease, which is between 0.2 per cent and 4.0 per cent for several areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The decrease in the price index of steel and steel & metal sections was in line with the scenario of decreases in the prices of steel and iron ore at the global level.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, August 8, 2023

Apart from steel and steel & metal sections, cement has started to record a price decrease as compared to June 2023 with a decline rate between 0.2 per cent and 1.7 per cent. Nevertheless, a monthly comparison of construction materials and selected areas showed that aggregates increased in price between 0.2 per cent and 2.7 per cent.

An annual comparison for the period of July 2022 and July 2023 showed that the unit price index of cement recorded an increase between 2.9 per cent and 23.8 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. In addition, in the context of items and areas, the unit price index of building materials in Peninsular Malaysia increased between 0.2 per cent and 23.8 per cent for July 2023 as compared to the same month last year. The highest increase for areas in Peninsular Malaysia for cement was Kelantan & Terengganu (23.8%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (18.0%). Meanwhile, the price index for a unit of construction materials that recorded the highest increase in Sabah was plumbing materials in Kota Kinabalu (14.6%), while in Sarawak it was timber in Sibu (31.7%) and bricks & wall materials in Miri (21.1%).

The Chief Statistician of Malaysia also explained that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars was RM3,622.86 per metric tonne, recorded 1.8 per cent decrease as compared to the previous month (June 2023: RM3,689.50 per metric tonne). In addition, the average price of cement (Ordinary Portland) decreased at a slower rate of 0.1 per cent (June 2023: +0.2%), with an average price of RM22.84 per 50 kg as compared to RM22.86 (June 2023).

Meanwhile, the Building Cost Material Index (BCI) (with steel bars) for all building categories in Peninsular Malaysia in July 2023 increased between 0.2 per cent and 3.8 per cent as compared to the previous month. The highest increase was recorded for Timber Piling in Pulau Pinang, Kedah and Perlis.

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Tuesday, August 8, 2023**

The BCI (with steel bars) for Sabah recorded a slower decrease between 0.1 and 1.4 per cent for almost all construction categories in Kota Kinabalu and Tawau in July 2023 as compared to the previous month. Meanwhile the BCI (with steel bars) for all building categories in Sandakan remained unchanged in July 2023 as compared to the previous month.

On a monthly basis, BCI (with steel bars) in Sarawak for July 2023 showed decreases between 0.1 and 2.1 per cent for almost all building categories especially in Kuching and Miri. However, the index for most building categories in Sibu recorded increases between 0.1 and 0.2 per cent.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, August 8, 2023

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, July 2022 – July 2023




Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, July 2022 – July 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 AUGUST 2023**